

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MM FREIGHT LOGISTICS SDN. BHD

DISEDIAKAN OLEH :

AZIZUL BIN ABD AZIZ  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2005

1:2256

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

1100039884

LI 7 FPE 2 2005



1100039884

Laporan akhir latihan industri di MM Freight Logistic / Azizu Abd Aziz.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039884

21030 KUALA TERENGGANU  
**1100039884**

Libat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

1-7  
7P E  
2  
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MM FREIGHT LOGISTICS SDN BHD**

**Disediakan Oleh :**

**AZIZUL BIN ABD AZIZ  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039884**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **AZIZUL BIN ABD AZIZ**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : **AZIZUL BIN ABD AZIZ**

Tarikh : **22/11/2005**

Disahkan oleh:



En Madzli b. Hj. Harun  
Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Madzli Harun selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh saya menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang beliau berikan amatlah saya hargai.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak syarikat MM FREIGHT LOGISTICS SDN BHD kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan industri di sana. Jutaan terima kasih juga kepada En Mohd Rof Abd Jalil, selaku pengurus besar syarikat di atas segala pengalaman dan tunjuk ajar yang telah diberikan semasa menjalani latihan industri.

Disamping itu juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pengurus operasi iaitu En. Marzuki Bin Abd Kadir yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pernah saya pelajari dan selami sebelum ini. Sememangnya segala ilmu yang diberikan oleh beliau kepada saya merupakan panduan dan latihan yang dapat melengkapkan diri saya baik dari segi ilmu dan pengalaman untuk saya praktikan nanti di alam pekerjaan yang sebenar.

Selain itu, tidak lupa juga terima kasih kepada semua kakitangan MM FREIGHT khususnya kepada En Muhkriz dan En Mohd Ridzuan yang turut memberikan kerjasama dan bantuan yang tidak berbelah kepada pelatih sewaktu menjalani latihan industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang telah diberikan telah memudahkan pelatih untuk menjalani latihan industri dengan

sebaik yang mungkin. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberikan pelatih maklumat-maklumat yang berkaitan dengan operasi kerja di MM FREIGHT.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa latihan industri Falkulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) kerana telah bertungkus lumus bagi melancarkan lagi proses latihan industri ini.

## PRAKATA

Latihan industri merupakan satu subjek yang sangat penting dalam program sarjana muda pengurusan maritim dan program pengajian di FPE amnya. Kod kursus bagi Latihan Industri ini ialah PGN 4799. Melalui Latihan Industri, setiap pelatih akan ditempatkan sama ada di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung di dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Pada dasarnya, latihan industri ini bertujuan untuk melatih pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar dan juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman di luar kampus. Latihan industri yang telah dilalui mendedahkan pelatih dengan teori yang telah dipelajari di kampus dan mempraktikkannya semasa mengadakan latihan industri. Melalui latihan industri ini juga, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar dan kemahiran asas yang berkaitan dengan dengan program pengajian yang diambil.

Melalui latihan industri ini pelatih akan mendapat keyakinan yang tinggi sekiranya berhadapan dengan tugasan-tugasan yang diberikan kelak. Laporan ini juga merupakan sebahagian daripada syarat yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Berdasarkan laporan ini, membolehkan Penyelia Industri pelatih dan pihak fakulti menilai pencapaian pelatih ketika menjalankan latihan di organisasi berkenaan.

## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>BIL</u></b>	<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
	<b>PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iii
	<b>PRAKATA</b>	v
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
	<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	ix

## **BAB SATU**

1.0	PENGENALAN	1
1.1	LATAR BELAKANG SYARIKAT	3
1.2	LOKASI	4
1.3	MAKLUMAT ORGANISASI	6
	1.3.1 Fungsi Dan Aktiviti Bahagian	9
	1.3.2 Bahagian Pengurusan Projek Dan Tender	9
	1.3.3 Bahagian Operasi	11
	1.3.4 Bahagian Kewangan	13
1.4	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	14
	i. Permindahan Barang	14
	ii. Pembayaran Cukai Kastam	15
	iii. Penghantaran Barang	16
	iv. Pergudangan	18
1.5	SENARAI PELANGGAN	20

1.5	SENARAI PROJEK DAN KERJA	21
1.6	POLISI PERLINDUNGAN KESELAMATAN	22
1.7	KEKUATAN ORGANISASI	23
1.7.1	Pihak Pengurusan Dan Pekerja	23
1.7.2	Prinsip Dan Amalan Syarikat	24
1.8	CAWANGAN SYARIKAT	24
1.8.1	Cawangan Johor Bharu	25
1.8.2	Cawangan Kota Bharu	25
1.9	PEMBEKALAN BARANGAN DAN KELENGKAPAN	26
1.10	KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	28

## **BAB DUA**

2.0	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	30
2.1.0	SISTEM KERJA PENERIMAAN BARANG	30
2.1.1	Objektif Sistem Kerja	31
2.1.2	Prosedur Sistem Kerja	31
2.1.3	Pengenalpastian Masalah	32
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	33
2.1.5	Implikasi Perlaksanaan Dan Kesan	34

2.2.0 SISTEM KERJA PENGHANTARAN BARANG	35
2.2.1 Objektif Sistem Kerja	36
2.2.2 Prosedur Sistem Kerja	37
2.2.3 Pengenalpastian Masalah	40
2.2.4 Cadangan Penyelesaian	41
2.2.5 Implikasi Perlaksanaan Dan Kesan	42
2.2.6	
2.3.0 SISTEM KERJA PENGURUSAN KAPAL	43
2.3.1 Objektif Sistem Kerja	44
2.3.2 Prosedur Sistem Kerja	44
2.3.3 Pengenalpastian Masalah	47
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	48
2.3.5 Implikasi Perlaksanaan Dan Kesan	49
<b>BAB 3</b>	
3.0 RUMUSAN DAN CADANGAN KESELURUHAN	50
3.1 CADANGAN LATIHAN INDUSTRI	52
<b>RUJUKAN</b>	53
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	56

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program penggajian di Falkulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE). Melalui latihan industri yang dijalankan, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan segala teori yang dipelajari dalam pengajaran dengan keandaan realiti dalam pekerjaan. Selain itu, melalui latihan industri yang dijalankan, pelatih dapat didedahkan dengan alam pekerjaan dimana pelatih akan memperolehi pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang berkaitan dengan program dan kursus dalam pengajian masing-masing. MM FREIGHT LOGISTICS merupakan salah sebuah syarikat yang berkaitan dengan program pengajian, telah menyediakan tempat untuk pelatih menjalankan latihan industri. MM FREIGHT adalah sebuah syarikat yang menjalankan perkhidmatan sebagai agen perkapalan dan penghantaran (forwarding) kepada syarikat carigali minyak dan gas di kawasan perairan luar pantai Terengganu. Syarikat ini telah ditubuhkan pada 20 Disember 1999 dan beroperasi didalam kawasan Pelabuhan Bekalan Kemaman (KSB). Secara amnya KSB merupakan sebuah perlabuhan yang menjalankan operasinya untuk membekalkan pelbagai barang keperluan untuk kerja-kerja carigali minyak dan gas (offshore work). Sepanjang menjalani latihan industri pelatih telah ditempatkan di bahagian operasi dimana pelatih akan didedahkan dengan sistem kerja penghantaran barang (forwarding) yang merupakan aktiviti utama syarikat. Di samping itu, pelatih juga akan mempelajari sistem penerimaan barang dan sistem kemasukan kapal ke perlabuhan KSB. Sepanjang menjalani latihan